

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 13.10.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan program pengajian / kursus agama Islam kepada masyarakat setempat yang dicadangkan pelaksanaan melalui Kolej Komuniti seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan cadangan untuk menjadikan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) sebagai dasar utama pendidikan negara, Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah mendekati dan menjalin kolaborasi bersama institusi keagamaan dan komuniti setempat dalam menyebarkan pendidikan kemahiran dan pendidikan Islam. Usaha ini telah dan sedang dilaksanakan di seluruh negara untuk memartabatkan pendidikan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan September 2014 sebanyak 915 kursus telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 340 kursus adalah berkaitan agama atau kerohanian,

manakala 575 kursus kemahiran telah diberikan kepada masyarakat setempat atau institusi yang memerlukan. Bilangan peserta yang mengikuti kursus pula berjumlah 34,793 orang, dengan 17,763 peserta kursus agama atau kerohanian dan 17,030 peserta kursus kemahiran. Kursus tersebut telah dijalankan di 76 buah kolej komuniti seluruh Malaysia.

Pendekatan PISH merupakan usaha murni Kerajaan bagi memastikan Pendidikan Islam dan ilmu kemahiran dapat diberikan secara lebih meluas dan seimbang kepada golongan sasaran. Ini bagi memastikan golongan sasaran mendapat ilmu Pendidikan Islam yang berterusan di samping memperoleh ilmu kemahiran yang berupaya menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.